

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 JUN 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	15 sistem pemantauan gempa bumi akan dipasang di Sabah - Ewon	Bernama.com
2	Ranau dilanda gempa bumi lemah malam ini	Bernama.com
3	Angin kencang, laut bergelora sehingga selasa	Bernama.com
4	Gempa sederhana landa kepulauan Bonin di Jepun	Bernama.com
5	Amaran angin kencang, laut bergelora	Bernama.com
6	Pengajaran gempa bumi di Ranau	Utusan Malaysia
7	Scientist from Klang does country proud	The Star

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 20 JUN 2015 (SABTU)



15 Sistem Pemantauan Gempa Bumi Akan Dipasang Di Sabah - Ewon

KUNDASANG, 20 Jun (Bernama) -- Sebanyak 15 lagi sistem pemantauan gempa bumi akan dipasang di Sabah dalam masa terdekat, termasuk lima di daerah Ranau, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Ewon Ebin.

Beliau berkata semalam, kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM14.5 juta yang akan disalurkan ke Jabatan Meteorologi untuk menaik taraf serta menambah sistem pemantauan itu.

"Pada masa ini, terdapat 30 sistem pemantauan gempa bumi di negeri ini dan dua daripadanya terdapat di kawasan Ranau," katanya pada sidang media di sini Sabtu.

Sementara itu, Ewon yang juga Anggota Parlimen Ranau berkata kerajaan bersetuju mempertimbangkan permohonan untuk membina sebuah lagi loji rawatan air di Ranau membabitkan kos berjumlah RM50 juta.

Beliau berkata pembinaan loji baharu itu amat diperlukan kerana sumber air mentah ke Loji Rawatan Air Bambangan Ranau dari Sungai Liwagu tidak berkualiti dan berlumpur sekiranya hujan di kawasan Kundasang.

"Air Sungai Liwagu mengalir dari Sungai Mesilau di Kundasang yang mempunyai aktiviti penanaman sayur dan menggunakan baja serta racun serangga yang akan mengalir ke dalam sungai," katanya.

Ewon berkata pada mesyuarat kabinet semalam, kerajaan juga bersetuju untuk melaksanakan satu kajian terperinci oleh Jabatan Mineral dan Geosains terhadap lombong Mamut Ranau.

Beliau berkata ini berikutan kebimbangan berlakunya rekahan pada tepi kawasan lombong akibat gempa bumi.

"Kita risau kalau ada lagi gempa bumi kuat berkemungkinan boleh menyebabkan tepi kawasan lombong dengan kapasiti air 22.6 meter padu akan runtuh.

"Ia boleh mengakibatkan kesan buruk dalam kalangan penduduk kampung yang tinggal di bawah kawasan lombong itu," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 20 JUN 2015 (SABTU)



Ranau Dilanda Gempa Bumi Lemah Malam Ini

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Gempa bumi lemah berukuran 3.3 pada skala Richter melanda Ranau, Sabah, pada pukul 8.45 malam ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia**, pusat gempa yang terletak 41km timur laut Ranau turut menyebabkan gegaran dirasai di daerah Ranau dan Beluran.

Pada 5 Jun lepas, gempa bumi bermagnitud 5.9 pada skala Richter melanda beberapa kawasan di Sabah termasuk Gunung Kinabalu, mengakibatkan 18 orang terbunuh dan memusnahkan harta benda.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 20 JUN 2015 (SABTU)



Angin Kencang, Laut Bergelora Sehingga Selasa

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Angin kencang Barat Daya dan laut bergelora yang berlaku di kawasan perairan Phuket, Condore, Reef North dan Palawan dijangka berterusan sehingga Selasa ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan hari ini berkata angin berkelajuan 40-50 kilometer sejam (kmsj) dengan ombak berketinggian sehingga 3.5 meter itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Menurutnya ribut petir menyeluruh di perairan Sulu, Kelantan dan Terengganu juga dijangka berterusan sehingga pagi ini.

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak berketinggian sehingga 3.5 meter itu berbahaya kepada bot kecil.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 20 JUN 2015 (SABTU)



Gempa Sederhana Landa Kepulauan Bonin Di Jepun

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Gempa bumi sederhana bermagnitud 5.2 pada skala Richter melanda Kepulauan Bonin, Jepun, iaitu gugusan pulau kira-kira 1,000km ke selatan Tokyo, pada pukul 4.09 petang ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia, dalam kenyataan, menyebut pusat gempa bumi itu terletak 1,016km dari tenggara Yokosuka, Jepun dan 3,601km dari timur laut Sandakan, Sabah.

Bagaimanapun, gempa tersebut tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 20 JUN 2015 (SABTU)



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Angin kencang barat daya dan laut bergelora dijangka berterusan di perairan Phuket hingga 23 Jun.

Menurut kenyataan [**Jabatan Meteorologi Malaysia \(METMalaysia\)**](#) hari ini keadaan sama dijangka berlaku di perairan Condore, Reef North dan Palawan.

Angin kencang barat daya dengan kelajuan angin antara 40 dan 50 kilometer sejam (kmsj) serta ketinggian ombak sehingga 3.5 meter di kawasan ini, berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut, menurut kenyataan itu.

METMalaysia turut memberi amaran ribut petir di perairan Malaysia melibatkan perairan Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka dan Sabah (Sandakan dan Tawau), dijangka berterusan sehingga lewat pagi ini.

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR TEMPATAN UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 26 TARIKH: 20 JUN 2015 (SABTU)

Pengajaran gempa bumi di Ranau

Susunan NIZAM YATIM
nizamyatim@utusan.com.my

PADA awal pagi 5 Jun lalu, penduduk Sabah gempa dengan gegaran yang melanda Ranau, Kundasang, Tambunan, Tuaran, Kota Belud dan Kota Kinabalu serta beberapa lagi kawasan sekitar.

Menurut maklumat yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, gegaran pada pukul 7.15 pagi hari Jumaat itu berpusat di 6.1 utara dan 116.6 timur iaitu 16 kilometer di timur laut Ranau dengan kekuatan sederhana 5.9 pada skala Richter.

Bencana itu menyebabkan 18 orang terbunuh dan 21 tercedera dengan korban paling tinggi adalah dalam kalangan pendaki Gunung Kinabalu yang dihujani dengan batu-batu besar.

Perasaan yang bermula di fikiran kita, kenapa tiada amaran awal dikeluarkan sebagai langkah berjaga-jaga. Pada hari kejadian, orang ramai termasuk remaja berusia 12 tahun dari Tanjong Katong Primary School, Singapura masih dibenarkan mendaki gunung tertinggi di Asia Tenggara itu.

Sebenarnya gempa bumi cukup payah untuk dikesan lebih awal dan tiada peralatan moden yang berjaya dicipta bagi meramalknya dengan tepat.

Setakat ini, kejadian itu hanya boleh dikesan jika kita sensitif dengan tanda-tanda yang diberikan oleh alam semula jadi di sekeliling kita.

Antaranya arus sungai bergerak secara terbalik, air dalam tasik dan kolam kering secara tiba-tiba, gumpalan awan berbentuk aneh di langit dan terdapat bunyi dengungan dalam frekuensi yang rendah.

Kajian paling banyak dilakukan melibatkan tabiat ganjal yang ditunjukkan oleh binatang beberapa hari sebelum gempa bumi.

Misalnya pada 2008, banyak kejadian aneh berlaku di Sichuan sebelum wilayah di barat daya China itu dilanda gempa bumi sekuat 7.8 pada skala Richter.

Tiga hari sebelum gempa itu, ribuan katak 'menguasai' jalanan raya di bandar Mianzhu dan menimbulkan kebimbangan penduduknya mengenai bencana alam tetapi seorang pegawai biro perhutinan tempatan menyatakan fenomena itu perkara biasa.

Di zoo, gajah kelihatan resah dengan mengayunkan belai, kuda belang menghentakkkan kepala pada pintu kandang, singa dan harimau yang biasa tidur waktu siang mundar-mandir dan lima minit sebelum berlaku gempa bumi, burung merak turut membuat bisikan.

Setakat ini, tiada laporan binatang di Taman Negara Gunung Kinabalu dan Taman Hidupan Liar Lok Kawi di Penampang



SISTEM amaran awal gempa bumi perlu diwujudkan di Malaysia bagi mengelak kejadian tujuh murid Tanjong Katong Primary school, Singapura terburu ketika mendaki Gunung Kinabalu berulang. - FACEBOOK/SADRI FARICK

berlakuan aneh. Adakah kerana pada zaman moden ini, kita terlalu leka dengan gajet seperti telefon bimbit dan televisyen sehingga tidak menyedari 'amaran' yang diberikan oleh alam semula jadi?

Bagaimanapun, Aktivis Hak Orang Asal Malaysia, Adrian Lasimbang ada memuat naik dalam Twitter miliknya mengenai Mata Air Panas Poring yang terletak kira-kira 35 kilometer dari pusat gempa yang dibebaskan sebelum gempa bumi menjadi hitam.

Terdapat laporan kejadian sama berlaku di Illinois, Amerika Syarikat (AS) apabila gempa bumi sekuat 7.9 pada skala Richter melanda Alaska pada 2002.

Dalam pada itu, terdapat rekod sejarah pada 373 Sebelum Masihin binatang termasuk tikus, ular, cerpelai dan lipan secara berkumpulan meninggalkan bandar Helice, Greek lama hari sebelum gempa bumi berlaku.

Beberapa jam sebelum gempa bumi sekuat 6.3 pada skala Richter melanda Christchurch, New Zealand pada 2011, turut dilaporkan burung kelihatan resah dan itik berkumpul secara berkumpulan di atas bumbung rumah.

Banyak lagi tabiat aneh lain yang pernah dilaporkan seperti ikan duri terapung di permukaan air dan kelihatan gelisah, ayam berhenti bertelur, lebah dalam kumpulan besar meninggalkan sarang dan ular keluar dari sarang serta merayap-rayap di atas tanah.

Pemilik kucing dan anjing juga melaporkan binatang peliharaan mereka berkelakuan aneh beberapa jam sebelum kejadian gempa termasuk menyelak dan melolong tanpa sebab dan gelisah. Ibu anjing dan kucing juga dilihat membawa anak-anak mereka keluar dari rumah.

Walaupun saintis di kebanyakan negara Eropah dan AS menyifatkan

apa yang berlaku sebagai kebetulan, lain pula sikap rakan mereka di Jepun dan China yang melakukan kajian terperinci berhubung fenomena berkenaan.

Saintis terbabit mengkaji adakah haiwan berkenaan mempunyai pancaindera yang lebih sensitif berbanding manusia sehingga boleh mengesan gerakan getaran dalam bumi dan gas tertentu yang dibebaskan sebelum gempa bumi berlaku?

Pada 2003, doktor di Jepun telah mendedahkan kajian bahawa kelakuan pelik anjing seperti menyelak tanpa henti dan menggitip tanpa sebab boleh digunakan bagi meramal kejadian gempa bumi.

Begitu juga di China, kerajaan negara itu telah menyenaraikan 58 spesies haiwan yang perlu dipantau termasuk ular, tikus

dan kelawar kerana tabiat pelik yang ditunjukkan binatang itu kemungkinan besar petanda gempa bumi akan terjadi.

Buku kecil yang menyenaraikan kelakuan ganjal haiwan turut diefarkan kepada rakyat bagi memudahkan mereka membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Pengajaran daripada gempa bumi di Ranau ialah Malaysia perlu mencontohi Jepun dan China yang bersikap terbuka untuk meneroka kaedah bukan konvensional dalam membuat ramalan.

menghormati kepercayaan penduduk setempat bahawa Gunung Kinabalu mempunyai penunggu.

Bagi mereka gunung itu merupakan kawasan suci yang menjadikan tempat persemadian roh nenek moyang kaum Kadazandusun dan tidak boleh dicemari dengan perbuatan tidak senonoh.

Masyarakat tempatan percaya sumpahan itu memuncak ekoran tindakan biadab 10 pelancang Eropah yang berbogel di puncak gunung itu pada 30 Mei lalu.

Pantang larang lain ketika mendaki gunung berkenaan ialah tidak boleh cakap besar, jangan petik tumbuhan dan tidak boleh membawa pulang batu gunung.

Walau pun ada komen yang dibuat oleh pelancang Eropah terbabit yang menyifatkan gempa bumi yang berlaku enam hari selepas kejadian berbogel tiada sebarang kaitan, kajian

saintis menunjukkan minda manusia mampu memberi kesan kepada alam semula jadi.

Penulis kontroversi dari AS, David Wilcock dalam bukunya *The Source Field Investigations* mendedahkan kajian saintifik pada 1993 menggesahkan jika ramai orang membayangkan dalam fikiran mereka perkara sama seperti 'penunggu Gunung Kinabalu akan marah' maka segala apa yang dibayangkan itu boleh menjadi kenyataan.

Kajian itu turut dimuatkan dalam jurnal ilmiah, *Journal of Offender Rehabilitation* yang menyatakan aktiviti keganasan nenurun sebanyak 72 peratus ianakala gempa bumi tidak dilakukan di kawasan yang ramalkan apabila 7,000 orang berkumpul beramai-ramai sambil membayangkan kawasan berkenaan selamat.

Scientist from Klang does country proud

Biotechnologist listed among top 100

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

PHILADELPHIA: A Klang-born biotechnologist has made the country proud by being nominated as one of the world's 100 most influential people in biotech.

Dr Mahaleetchumy Arujanan (pic), 46, joins the likes of famous people including Bill and Melinda Gates, as well as actor Michael J. Fox, mentioned in a special report published by renowned scientific magazine *Scientific American*.

The list was launched at the Bio International Convention here.

Fox is cited for his vast contribution for research on Parkinson's disease.

Dr Mahaleetchumy is part of the Malaysian Biotechnology Corporation (Biotech Corp) entourage to the convention.

"It is indeed rewarding to know that your efforts and contribution are appreciated and recognised globally," said Dr Mahaleetchumy who was born and raised in Kg Jawa, Klang.

Dr Mahaleetchumy, the Malaysian Biotechnology Information Centre (Mabic) executive director, said the turning point in her career came from a bad time in her life when her then employer told her to quit in 2002.

"I had worked for a local healthcare company and its sole proprietor wanted me to come back to work just two weeks after I had given birth.

"I did not do so. He became hostile and told me to leave soon after that," she claimed.

Unfazed, the mother of two girls, who has a BSc in biochemistry and an MSc in biotechnology, went on to complete her PhD in Science Communication and moved on to seek greener pastures.

Her subsequent employer was an international non-government organisation and Dr Mahaleetchumy said it was there that she found her true calling.

"My new employer allowed me to exploit my fullest potential and my contribution was appreciated," said Dr Mahaleetchumy, also the editor-in-chief of Mabic's newspa-



per, *Petri Dish*.

Her other role is as a trainer with Biotech Corp in its Biotechnology Entrepreneurship Special Training Programme (Best), which is a career coaching module for university undergraduates.

"I visit all the private and public universities in Malaysia under this programme and train students on biotechnology development," she said.

She said the programme was aimed at making Malaysia a biotechnology powerhouse.

Dr Mahaleetchumy said Malaysia had added advantages in becoming a biotechnology powerhouse due to the country's up-to-date infrastructure, natural biodiversity as well as the Government's commitment.

When not busy with work, Dr Mahaleetchumy enjoys spending time with her children - Komalah, 16, and Deepa, 15.

Her husband M. Selvamuthu is an agency group manager with an insurance company.

Of her future plans, Dr Mahaleetchumy said she planned to "continue being in the international space in biotechnology and be a change agent in the way biotechnology is communicated".